

BAB 6

RUMUSAN

Penyelidikan tentang skop pemikiran politik lazimnya dikaji bersumberkan buku-buku politik dan sejarah yang bersifat ilmiah dan akademik hasil tulisan sarjana-sarjana sains politik tetapi berlainan dengan kajian ini kerana ia menumpukan terhadap kandungan mesej politik dalam sepuluh buah novel Ahmad Boestamam^{*} sebagai bidang kajian utama yang berasaskan NAKOS^{**}.

Maka, pembuktian yang bersifat informatif dan komprehensif bukan sekadar dapat mendedahkan bahawa karya sastera khususnya genre novel juga mampu menyumbangkan peranan dalam proses penyebaran NAKOS kepada khalayak sasaran, malahan dapat pula mengenal-pasti aspek-aspek mesej politik yang ingin disampaikan oleh pengarang walaupun keberkesanannya masih boleh dipertikaikan. Justeru kajian ini merumuskan

^{*} Lihat bibliografi dalam bahagian A - Novel-novel Kajian

^{**} Lihat bab 2 him

bahawa novel mampu dijadikan sebagai *medium* penyebaran pemikiran politik secara berseni dan septonan tanpa melibatkan pemaparan teori atau konsep sains politik yang ilmiah sifatnya.

Sehubungan dengan itu kajian mendapati bahawa Ahmad Boestamam menggunakan novel untuk menyalurkan NAKOS yang diyakininya wajar untuk diketengahkan kepada masyarakat yang berbentuk intisari pengucapan politik yang selari dengan perjuangannya di luar teks kajian iaitu di dunia realiti yang pernah ditempoh oleh pengarang. Walaupun ada kalanya pemahaman mesej yang disampaikan agak kabur dan memerlukan bantuan teks sosial kerana latar masa yang dieksplot oleh pengarang merangkumi dua zaman berbeza – pra dan pasca kemerdekaan yang membabitkan aksi dan reaksi kolonial British dan Jepun di negara ini, tetapi inilah kekuatan yang ada pada novel-novel beliau kerana berani mengungkapkan permasalahan politik kontemporari.

Kajian mendapati sebanyak 11% atau 140 halaman daripada 1245 jumlah muka surat teks kajian dikesan mengandungi NAKOS. Ini bererti teks kajian bukanlah merupakan novel politik kerana ia tidak memaparkan secara dominan mengenai politik *per se*, namun sudah mencukupi menyatakan bahawa novel-novel tersebut memiliki mesej-mesej pemikiran politik walaupun dicampur-aduk dengan unsur-unsur lain⁵⁰ yang terlalu manipulatif sifatnya.

Kajian juga mengenal-pasti tiga aspek utama pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam iaitu nasionalisme, anti-kolonialisme dan

⁵⁰ Sosio-ekonomi dan pengalaman pengarang.

sosialisme. Walau bagaimanapun, aspek nasionalisme bukanlah tunjang atau asas idealisme pengarang yang bersifat membungkus atau “mengawal”⁷ aspek pemikiran politik yang lain seperti anti-kolonialisme dan sosialisme tetapi sebaliknya NAKOS saling berkaitan di antara satu dengan yang lain. Ini dapat dibuktikan dalam tiga buah novel; *Pacar Merah Malaya* (1959), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) dan *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) yang memaparkan kehadiran NAKOS dengan garapan secara bertaut sifatnya kerana pengarang ingin menyampaikan mesej politik dalam satu latar dan suasana yang memfokuskan intipati perjuangan beliau menentang penjajah khususnya dalam konteks kemerdekaan tanah airnya.

Sebab itu serapan pengalaman pengarang di arena kewartawanan, politik dan penulisan di luar teks kajian menjadi scarsi dengan NAKOS di dalam teks kajian. Pembinaan mesej tersebut diperkuuhkan lagi dengan adunan cebisan sejarah nasionalisme di negara ini yang diolah melalui wacana naratif dan gambaran pengarang di samping penggunaan simbol atau lambang manipulatif yang tersirat maknanya. Contohnya, pemakaian judul novel seperti *Konfrontasi* (1967) dengan mengarap tema pesengketaan suami isteri antara Hashim dengan Mariam sebagai tamsil kepada pihak tertentu yang tidak prihatin terhadap darah daging sendiri sehingga tergamak mencetuskan sejarah luka antara Malaysia dan Indonesia akibat penentangan negara jiran terhadap penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 yang popular dengan misi “Ganyang Malaysia” itu.

Hakikat ini terbukti jelas dalam mesej nasionalisme, unsur-unsur perjuangan politik tanah air dengan menampilkan unsur-undur terhadap proses perjuangan kemerdekaan, laungan “merdeka”, kecintaan terhadap leluhur serta mendaulatkan bahasa Melayu

⁷ Lihat bab I hlm. 7

dijadikan topik persoalan yang mendominasi semangat nasionalisme itu. Manakala gagasan konsep negara bangsa pula merupakan satu lagi unsur yang membentuk mesej nasionalisme. Unsur ini digarap dengan memperkenalkan cadangan penyatuan bangsa majoriti melalui mandus operandi; kahwin campur dan perkongsian bijak yang diyakini pengarang dapat membina sebuah negara merdeka yang kuat dan berdaulat. Generasi yang dilahirkan melalui proses kahwin campur yang dinamakan oleh pengarang sebagai “bangsa Malaya” (*Lorong Seribu Liku* 1964: 124) dan “bangsa Malaysia” (*Rumah Kaca Digegar Gempa* 1969: 6) akan menerima asimilasi budaya hidup baru dengan mudah berbanding generasi sebelumnya yang masih terikat, fanatik serta mengagungkan budaya leluhur masing-masing, lantaran itu ketiaat-setiaan mereka masih cenderung ke arah negara asal.

Pemaparan mesej nasionalisme dapat dikesan dalam 65 halaman daripada sembilan buah novel-novel Ahmad Boestamam yang memanifestasikan hanya 5% aspek nasionalisme. Contohnya, *Gelap Menjelang Terang* (1956) memiliki 1% berbanding novel-novel lain seperti *Kabus Pagi* (1958) (5%), *Pacar Merah Malaya* (1959) (11%), *Lorong Seribu Liku* (1964) (5%), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) (4%), *Konfrontasi* (1967) (4%), *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) (11%), *Ali Sastro* (1968) (4%) dan *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969) yang mengandungi sebanyak 3% sahaja. Berasaskan fakta kualitatif tersebut, mesej nasionalisme tidak bersifat holistik sebaliknya hanya tempelan kepada tema atau persoalan sesebuah novel atau dalam konsep kesusasteraan dikenali sebagai bersifat intrinsik manipulatif.

Di samping aspek nasionalisme, mesej anti-kolonialisme terhadap Inggeris dan Jepun turut diangkat oleh Ahmad Boestamam dalam novel-novelnya berbanding dengan aksi dan reaksi anti Portugis dan Belanda. Bagi menjelaskan kehadiran mesej tersebut,

sorotan sejarah kolonial di Tanah Melayu / Malaya (kini: Malaysia) yang bermula setelah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada 24 Ogos 1511 yang membawa kepada kedatangan kuasa-kuasa penjajah – Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun ke negara ini sehingga ke tarikh merdeka pada 31 Ogos 1957 telah meninggalkan kesan sejarah dan emosi sekaligus mencetuskan reaksi anti-kolonial di kalangan pribumi. Realitinya melalui reaksi-reaksi anti-kolonial itu telah mencetus dan menimbulkan mesej anti-kolonialisme dalam karya sastera Melayu termasuklah dalam teks kajian.

Namun demikian, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan senario anti-kolonialisme terhadap Inggeris dan Jepun sahaja yang diangkat oleh Ahmad Boestamam di dalam novel-novelnya berbanding dengan Portugis dan Belanda. Faktor pembabitan pengarang di dalam kancang penentangan penjajahan British dan Jepun di luar teks kajian telah mencetuskan idea tersebut.

Aspek tersebut dapat dikesan dengan cara mengukur peratus mesej anti-kolonialisme yang terkandung dalam tujuh buah novel beliau iaitu *Gelap Menjelang Terang* (1956) sebanyak 10% manakala *Kabus Pagi* (1958) (2%), *Pacar Merah Malaya* (1959) (22%), *Ciaris Hitam Membelah Langit* (1966) (0.8%) , *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) (2%), *Ali Sastro* (1968) (1%) dan *Malam Tiada Berbintang* (1968) hanya 2% sahaja. Mesej tersebut telah disalurkan melalui pendekatan yang bervariasi baik terhadap kolonial Inggeris maupun kepada Jepun. Pengarang menggunakan pelbagai pendekatan dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme terhadap Inggeris. Penyaluran secara variasi ini bertujuan untuk menimbulkan impak kepada khalayak sasaran. Pendekatan tersebut adalah bersifat propaganda, metaforik dan provokatif/jelmaan watak pengarang.

Mesej bersifat propaganda ini disampaikan dengan pelbagai gaya bahasa. Misalnya menerusi *interior monolog* yang memberi makna langsung. Contohnya dapat dilihat dalam novel (*Gelap Menjelang Terang* 1956: 7) yang mencetuskan bibit-bibit anti-kolonialisme dengan membangkitkan perasaan benci terhadap penjajah. Gaya bahasa berbentuk dialog turut dieksplor pengarang misalnya dalam *Kabus Pagi* (1958:79) dengan menampilkan watak Mokhtar berbincang dengan Aminah mengenai isu UMNO yang ingin berkompromi dengan Inggeris bagi mendapatkan kemerdekaan Malaya. Mesej anti kolonialisme bersifat propaganda ini disalurkan dengan mendedahkan tipu-muslihat penjajah secara beremosi marah, berkutbah, bombastik serta menghilangkan nilai-nilai estetika dalam sesebuah novel.

Manakala pendekatan bersifat metaforik pula memperlihatkan pengarang memperalatkan simbol atau lambang. Kebobrokan Kerajaan British (BMA), misalnya dipersoal dengan menampilkan analogi seekor kerbau dengan tuannya. Kerbau ibarat rakyat dan tuan disimbolkan sebagai Kerajaan British. Hal ini dapat dibuktikan melalui perbicaraan Musa Hasan di dalam mahkamah (*Gelap Menjelang Terang* 1956: 32-33) yang secara simbolik mengkritik penjajah kerana tidak membela nasib rakyatnya. Penggunaan pendekatan metaforik ini sengaja dilakukan pengarang supaya pihak Inggeris tidak mengambil tindakan terhadap pengarang kerana mendedahkan kepincangan pemerintah.

Walau bagaimanapun, mesej anti-kolonialisme yang disampaikan melalui pendekatan provaktif dan jelmaan watak pengarang memperlihatkan si pengarang dipengaruhi emosi lantas pengucapan watak tidak terkawal dan seolah-olah Ahmad Boestamam sendiri terbabit sama dalam *setting* novel. Pengaruh pembabitan beliau dalam sejarah politik tanah air khasnya menentang Inggeris dengan menujuhkan PKMM, API

serta menjunjung slogan “Merdeka dengan Darah” dan “Angkatan Penghalau Inggeris” di luar teks kajian misalnya, tidak kunjung padam dan emosi ini terbawa-bawa ke dalam proses penciptaan novel justeru terciptalah mesej yang bersifat demikian rupa. Ini dapat dilihat dalam *Pucar Merah Malaya* 1959: 43-44), *Ali Sastro* (1968:39), *Kabus Pagi* (1958:78-79), *Sorong Makan Tarik Makan* (1966:23) dan *Malam Tiada Berbintang* (1968:56-57) mempamerkan kekentalan semangat anti-kolonial yang bersarang di jiwa pengarang telah sengaja diselitkan ke dalam plot novel semata-mata ingin menimbulkan impak ke atas penjajahan Inggeris.

Hakikat ini tidak boleh dinafikan kerana perjuangan politik Ahmad Boestamam ialah untuk menghalau Inggeris dan membebaskan Malaya daripada belenggu penjajahan apatah lagi dia sendiri pernah dua kali ditahan di bawah ISA oleh penjajah Inggeris kerana kegiatan penentangan terhadap penjajah tersebut. Oleh yang demikian sebagai seorang pejuang dia tidak melepaskan peluang terbaik mengeksplotkan novel dalam menyampaikan mesej politiknya kepada pembaca agar semangat mereka (masyarakat tempatan) dapat dibangkitkan untuk turut bersama-sama berjuang menentang penjajah Inggeris.

Namun begitu dalam perjuangannya menentang Jepun bentuk mesej anti-kolonialisme sedikit berbeza dengan anti-kolonialisme terhadap Inggeris. Perbezaan ini disebabkan aksi kolonial Jepun di Tanah Melayu tidak panjang hanya sekitar tiga tahun setengah meliputi tahun 1942-1945 tetapi mencukupi bagi Ahmad Boestamam mengungkapkan pemikiran politik di dalam novel-novelnya. Kajian mendapati pancaran bentuk mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun walaupun disampaikan dengan nada

bervariasi sifatnya iaitu keras, provokatif dan lembut tetapi mengandung mesej penentangan yang tegas, mutlak dan muktamad.

Penampilan mesej bernada keras misalnya bertujuan untuk mengambarkan ketegasan pengungkap dan menyakinkan pembaca. Ini dapat dilihat menerusi watak Rustam yang berusia 28 tahun digambarkan berjuang habis-habisan menentang Jepun dalam *Pacar Merah Malaya* (1959: 28) tanpa ada unsur-unsur kompromi walaupun pihak penjajah berusaha memujuk Rustam untuk menyokong perjuangan Jepun menerusi semboyan “Kemakmuran Bersama Asia Timur” tetapi tetap disanggah pengarang sebagai janji kosong penjajah.

Penentangan pengarang terhadap Jepun tidak hanya bernada keras sebaliknya melebarkan kepada bentuk mesej yang bersifat provokatif. Mesej berbentuk ini diungkap dalam pelbagai gaya bahasa sama ada dalam bentuk dialog, wacana naratif mahupun menerusi surat siaran. Tanpa berselindung disebalik simbol atau lambang, penyampaian mesej melalui surat siaran adalah terang maksudnya. Surat siaran dalam novel *Pacar Merah Malaya* (1959: 15-16) misalnya mengandungi mesej gesaan dan menghasut orang Melayu supaya bangun menentang Jepun di samping mengertak dan mengugut penjajah. Tujuannya untuk membangkitkan perasaan benci terhadap Jepun dan mesej dapat difahami walaupun dibaca secara sepintas lalu.

Tetapi berbeza pula bentuk mesej bernada lembut, kontradik sifatnya dengan mesej-mesej anti-kolonialisme bernada keras dan bersifat provokatif seperti yang dijelaskan tadi. Ini kerana mesej bernada lembut ini disalurkan dengan pendekatan sindiran dan sinis. Kritikan disampaikan dengan memanipulasikan sesuatu perkataan atau frasa yang

mengandungi makna berlapis. Misalnya perkataan “si ketek” ditujukan kepada tentera Jepun (*Pacar Merah Malaya* 1959: 48) menggambarkan keadaan tubuh badan seseorang yang pendek dan penggunaan perkataan yang tidak sedap didengar yang membawa erti orang itu tidak disukai dan dibenci. Dalam masyarakat tradisional Melayu penggunaan sesuatu perkataan yang tidak sedap didengar yang ditujukan kepada seseorang itu menggambarkan bahawa orang itu adalah dibenci dan diejek kerana perbuatannya yang tidak disukai ramai. Dalam konteks ini “siketek” merujuk kepada tentera Jepun yang dibenci.

Begitu juga dengan frasa yang mengandungi makna berlapis seperti “perubahan yang kita semua maklum” (*Pacar Merah Malaya* 1959: 48) menggambarkan perubahan negatif yang dibawa penjajah ke atas Tanah Melayu dari aspek ekonomi, sosial dan politik – antaranya keadaan Tanah Melayu semakin bergelora dan hura-hara di sana sini akibat aksi kolonial Jepun.

Bagi mengetahui sebab kenapa pengarang menggunakan pendekatan bernada lembut ketika menyalurkan mesej, kajian terpaksa merujuk teks sosial dan mendapati bahawa pengarang pernah bertugas di Jabatan Propaganda Jepun (*Sesden Ka*) di Ipoh yang memaksa beliau “berlembut” terhadap penjajah itu meskipun di dalam jiwa tersembunyi perasaan benci yang amat mendalam terhadap Jepun. Walaupun pengarang berada dalam “kandang” Jepun tetapi dia masih lagi berjaya menyampaikan mesej anti-kolonialisme agar tidak disyaki oleh penjajah sebaliknya mesej itu dapat difahami dan dihayati pembaca. Namun demikian mesej bentuk ini kurang berkesan kerana tidak semua pembaca dapat mengangkap isi mesej lantaran kekurangan ilmu bantu serta ketidak-upayaan untuk

mentafsir makna perkataan atau frasa dengan tepat sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengarang.

Dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme baik terhadap Inggeris maupun kepada Jepun pengarang cuba mempelbagaikan pengolahan bentuk kritikan mengikut situasi dan kandungan mesej sama ada berterus terang ataupun mempunyai makna berlapis. Ini kerana pengarang terbabit dalam dua zaman penjajahan di Malaya yang berbeza inspirasi, latar masa, pengaruh persekitaran dan persepsi terhadap kedua-dua pihak kolonial; Inggeris dan Jepun.

Dalam hubungan mesej anti-kolonialisme ini, kajian mendapati benar apa yang diperkatakan Shamsul Amri Baharuddin bahawa penentangan terhadap penjajahan dalam bentuk penglibatan sastera tidak berupaya menimbulkan kesan yang *extreme* sehingga mencetuskan revolusi berdarah (*Dewan Sastera*, Julai 1988: 41) dan hipotesis ini terbukti apabila merujuk teks kajian. Mesej-mesej anti-kolonialisme baik terhadap Inggeris maupun kepada Jepun dalam novel-novel Ahmad Boestamam dilihat tidak mampu mencetuskan revolusi berdarah, sebab utamanya ialah mesej yang dipaparkan tidak digarap secara holistik sebagai sebuah tema atau persoalan, sebaliknya kehadiran mesej hanya “menyelit” atau kadang kala implisit sifatnya. Ini mengurangkan rangsangan atau menyuntik hati nurani pembaca terhadap keberangkalian tertentu apatah pula untuk mencetuskan revolusi berdarah.

Pemikiran politik selanjutnya yang terkandung dalam teks kajian ialah sosialisme. Erti sosialisme dalam kajian ini ditakrifkan bahawa percikan pemikiran politik pengarang dalam mengetengahkan sistem ekonomi-politik alternatif bagi mengantikan kapitalisme

yang menjadi amalan penjajah di Malaya demi kepentingan golongan marhaen.* Bagi menjelaskan takrifan sosialisme itu, analisis disokong dengan sorotan sepintas lalu perkembangan sosialisme di negara ini. Ia mula berkembang pada sekitar tahun 40-an melalui kewujudan pertubuhan politik Melayu bercorak radikal seperti KMM, PKMM, API dan PRM yang bergerak berlandaskan fahaman kerakyatan ala sosialisme yang menjurus terhadap kepentingan satu kaum; orang Melayu sahaja (Abdul Rahman Abdullah 1998: 246). Maknanya mereka tidak mengguna-pakai sepenuhnya konsep sosialisme sebenar.

Ini dapat dilihat fahaman sosialis yang dianuti oleh PRM sering mengalami modifikasi berdasarkan kesesuaian massa dan kehendak pemimpinnya. Era Ahmad Boestamam memimpin PRM (1955-1969) pertubuhan politik itu mengamalkan fahaman marhaenisme yang berlandaskan tiga unsur utama iaitu ketuhanan yang Maha Esa, sosionalisme dan sosiodemokrasi. Manakala fahaman sosialisme saintifik diperkenalkan oleh Kasim Ahmad pada tahun 1969 dan apabila PRM diterajui Syed Husin Ali, beliau menukar fahaman parti itu kepada sosialisme yang mengambil kira Islam dan nasionalisme dengan penekanan terhadap sistem ekonomi berasaskan akhlak dan rohaniah.

Perkembangan sosialisme di negara ini selain terus digerakkan oleh parti politik seperti PRM malah turut digiatkan oleh golongan pelajar Universiti Malaya dengan menubuhkan Kelab Sosialis pada tahun 1967 (Abdul Rahman Abdullah 1998: 248). Kemuncak kejayaan perkembangan sosialisme dilihat ketika PRM bergabung dengan PBM lalu membentuk gabungan parti politik yang dinamakan SF dan berjaya merebut 16 kerusi DUN dan lapan kerusi DR dalam pilihan raya umum 1959.

* lihat bab 2 him. 33-34

Berasas kepada perkembangan sejarah sosialisme itu, kajian berhasil mengenal-pasti percikan pemikiran sosialisme terpancar dalam lima buah novel Ahmad Boestamam iaitu *Pacar Merah Malaya* (1959) sebanyak 4%, *Lorong Seribu Liku* (1964) (7%), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) (3.2%), *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) (14%) dan *Malam Tiada Berbintang* (1964) (0.7%) yang disalurkan melalui tema dan persoalan novel-novel tersebut. Kehadiran mesej sosialisme dikesan menerusi empat skop persoalan iaitu “Prinsip dan Perjuangan”, “Isu Kontemporari”, “Isu Parti Politik” dan “Gagasan Ideologi Negara Bangsa”.

Dalam skop persoalan prinsip dan perjuangan kajian berhasil menemukan pemikiran sosialisme yang disampaikan melalui wacana naratif dan gambaran pengarang tentang unsur-unsur sisionasionalisme dan sosiodemokrasi yang menjadi anutan pengarang di luar teks (*Pacar Merah Malaya* 1959: 51-52), anti-kapitalisme (*Malam Tiada Berbintang* 1968: 55) dan sosialis tulen (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 4 & 23). Ketiga-tiga unsur yang membentuk skop persoalan prinsip dan perjuangan itu dipaparkan melalui watak protoganis mahupun antagonis dengan jelas membawa mesej ke arah memperkenalkan dasar sosialisme yang juga merupakan pegangan ideologi politik pengarang di luar teks kajian.

Manakala dalam skop persoalan isu kontemporari, empat unsur atau topik ditonjolkan bagi membentuk mesej sosialisme yang meliputi persoalan penindasan, ketidak-adilan, moral dan rokok. Penonjolan persoalan tersebut lazimnya dikaitkan dengan dasar sosialisme. Misalnya dakwaan penindasan berlaku akibat Kerajaan British (BMA) tidak bertanggungjawab terhadap bekas-bekas SC (*Lorong Seribu Liku* 1964: 31-32). Isu ketidak-adilan dikaitkan dengan proses kutipan cukai yang disifatkan tidak adil di antara

orang kota dengan orang kampung (*Lorong Seribu Liku* 1964: 69) telah dijadikan polimek bahawa sistem pentadbiran Kerajaan yang didakwa menganak-tirikan orang kampung. Dalam topik keruntuhan moral masyarakat Melayu (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 80) dan rokok (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 29) pengarang menyalahkan dasar kapitalisme yang berpotensi menggalakkan kedua-dua isu itu membiak, sebaliknya Kerajaan disaran mengamalkan dasar sosialisme yang tidak mementingkan materialisme tetapi lebih mengutamakan keadilan sosial dan kemakmuran negara.

Bagi skop persoalan isu parti politik pula terdapat dua cara pengarang menonjolkan imej sosialisme. Pertama; “mengangkat martabat parti sosialis” dengan memberikan huraihan informatif dan komprehensif bahawa pengaruh parti sosialis begitu kuat dan digeruni pihak lawan seperti dalam (*Garis Hitam Membelah Langit* (1966: 17-18). Kedua; “mencemar reputasi parti lawan” dengan mempamerkan Ahli Dewan Undangan Negeri, Zamri yang mewakili Parti Demokrat berubah laku – curang kepada isteri, suka berfoya-foya, pemabuk dan meninggalkan tanggungjawab terhadap keluarga sehinggaikan DUN yang dimenangi dirampas oleh calon konservatif daripada Parti Islam – sebuah parti kecil yang tidak setanding dengan Parti Demokrat. Gambaran komprehensif terhadap Parti Demokrat yang tedapat dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) adalah agenda mencemarkan reputasi parti yang bukan berbau sosialis.

Selanjutnya dalam skop persoalan gagasan ideologi negara bangsa pengarang cuba memperkenalkan dasar sosialisme yang dikaitkan dengan pengamalan sistem ekonomi, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta indentiti negara-bangsa bagi membentuk sebuah negara yang adil, makmur serta bagi membela golongan marhaen. Dalam aspek ekonomi, Malaya disarankan mengamalkan dasar sosialisme yang menitik-beratkan reformasi di

sektor pertanian di samping memperkenalkan sektor perindustrian (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 48, dan 58) serta menguruskan pengagihan kek ekonomi kepada rakyat dengan adil dan saksama kerana Kerajaan/pemimpin merupakan pemegang amanah hasil negara yang diamanahkan oleh rakyat dan menolak amalan sistem kapitalis yang mementingkan kaum elit dan bangsawan serta rakus memonopoli sumber negara (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 59).

Pengarang juga mencadangkan agar bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi Malaya merdeka di samping membenarkan bahasa-bahasa lain dipelajari untuk mengakses ilmu pengetahuan (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 60, 61 dan 62). Sesuai dengan Malaya merdeka yang didiami oleh masyarakat majmuk, pengarang mengusulkan supaya proses pembentukan identiti negara-bangsa dapat dilakukan dengan mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu dan dikenali sebagai “bangsa Malaya” (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966: 142) tanpa mengira rupa bangsa, warna kulit, budaya, agama serta bahasa ibunda sebaliknya bersepada untuk kemakmuran Malaya. Idealisme ini selaras dengan dasar sosialisme yang menolak chauvinisme dan perkauman. Walau bagaimanapun, konsep “bangsa Malaya” atau “bangsa Malaysia” juga diketengahkan dalam aspek nasionalisme kerana mesej ini sebenarnya ada kaitan dengan kedua-dua pemikiran politik itu.

Konsep “bangsa Malaya” dalam novel *Lorong Seribu Liku* (1964: 124); (*Garis Hitam Membelah Langit* 1969: 142) dan “bangsa Malaysia” dalam novel *Rumah Kaca Digegar Gempa* 1969: 6) merupakan pandangan futuristik Ahmad Boestamam tentang rupa bentuk masyarakat negara ini yang dibayangkan kira-kira 40 puluh tahun yang lalu. Idea ini jauh lebih awal muncul berbanding dengan pengenalan konsep “bangsa Malaysia” oleh

Perdana Menteri, Dato'Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kertas kerjanya; *The Way Forward* yang dibentangkan di Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991^{**}. Meskipun pengertiannya berbeza lantaran pengaruh persekitaran, kecenderungan, kepentingan serta faktor-faktor tertentu, tetapi yang penting ialah keupayaan kedua-dua tokoh politik itu melontarkan pandangan jauh semata-mata untuk memajukan bangsa dan negara.

Justeru itu walaupun Ahmad Boestamam dilihat oleh sejarah sebagai nasionalis berhaluan kiri yang tidak disenangi oleh golongan nasionalis berhaluan kanan akibat keengganannya untuk berkompromi dengan penjajah Inggeris dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara tetapi hakikatnya beliau berjuang untuk kepentingan rakyat dan negara ini dengan pendekatan dan pendapat yang berbeza.

Perbezaan pendapat ini dapat dilihat bahawa beliau cuba memperkenalkan dasar sosialisme dari segi ekonomi di negara ini berbanding dengan golongan kanan yang cenderung ke arah mengekalkan dasar kapitalisme yang diamalkan oleh penjajah Inggeris. Walau bagaimanapun dasar sosialisme tidak diterima oleh sebilangan besar masyarakat tempatan dan terbukti PRM pimpinannya tidak berjaya merebut kuasa politik dalam setiap kali pilihanraya diadakan apatahlagi ketika parti itu agak popular sewaktu zaman pra merdeka.

Persepsi masyarakat khususnya orang Melayu terhadap dasar sosialisme merupakan sebab utama kenapa PRM tidak mendapat tempat di hati rakyat. Sebilangan besar masyarakat Melayu ketika itu “takut” kepada dasar sosialisme kerana mereka menganggap

** Lihat bab 3 hlm. 95

bahawa sosialisme sama seperti ideologi komunis yang tidak percayakan kewujudan Tuhan. Justeru PRM kerap kali menukar fahamannya pada setiap kali pemimpinnya berganti meskipun berteraskan sosialisme⁹⁰ dan Ahmad Boestamam sendiri menampilkan marhaenisme yang berlandaskan tiga unsur utama iaitu ketuhanan yang Maha Esa, sisionasionalisme dan sosiodemokrasi.

Kewujudan ketiga-tiga unsur itu jelas menggambarkan bahawa Ahmad Boestamam telah menyedari akan persepsi “takut” orang-orang Melayu sebagai batu penghalang terhadap kemajuan PRM lantas mengambil langkah-langkah proaktif seperti mengubah-suai dasar sosialisme itu dengan memasukkan unsur-unsur tauhid di samping mengetengahkan sisionasionalisme yang menitik-beratkan persoalan nasionalisme Melayu serta menerapkan pendekatan demokrasi ke dalam sistem pemerintahan negara (sekiranya berjaya merebut kuasa politik Malaya) yang diberikan nama sosiodemokrasi.

Pengubah-suaian dasar sosialisme itu jelas dinyatakan oleh pengarang dalam novel *Pacar Merah Malaya* yang menyebut; “sudah tentu kita di Malaya tidak akan mendapat memasukkan segala sesuatu yang berbau Russia, tetapi garis besarnya serupa seperti sosialisme” (1959: 51-52) membuktikan bahawa dasar sosialisme tersebut bolch disesuaikan dengan pengaruh persekitaran.

Pengarang begitu yakin dengan sosialisme yang mendakwa hanya sosialis dunia yang boleh menjamin keadilan, kebenaran dan kemakmuran di seluruh dunia (1959: 51-52) adalah tidak tepat kerana pada tahun 1989 ternyata dasar sosialisme yang menjadi anutan Soviet Union musnah dan keanggotaannya berpecah-pecah menjadi negara-negara kecil

⁹⁰ Lihat bab 5 hlm 136

seperti Ukraine, Republik Chechnya dan Bosnia. Namun sebagai tokoh politik yang berpandangan jauh ke hadapan, Ahmad Boestamam telah berjaya melaksanakan peranannya walaupun masyarakat ketika itu tidak menerima pandangan tersebut tetapi itu bukanlah persoalannya kerana mereka berhak memilih dan menentukan nasib dan masa hadapan negara!

Kajian terhadap sepuluh novel Ahmad Boestamam telah berjaya menemukan pemikiran politik berteraskan NAKOS yang disampaikan dengan pelbagai cara pengolahan walaupun ia tidak dijadikan tema sesebuah novel itu. Penerapan NAKOS implisit sifatnya, dan hanya dapat dikesan dengan cara menganalisis setiap unsur-unsur serta mesej yang selaras dengan konsep serta tafsiran terhadap aspek-aspek pemikiran tersebut. Ini menjadikan novel-novel tersebut lari daripada konsep sebuah novel politik seperti yang diutarakan oleh Irving Howe (1967: 19) atau oleh Gorden Milne (1972: 4-5) tetapi yang jelasnya teks kajian itu merupakan genre novel yang mengandungi idea dan mesej politik yang sengaja digarap untuk menyatakan fahaman politik pengarang bahawa NAKOS adalah anutan Ahmad Boestamam ketika berada dalam kancang perjuangan politik tanah air khususnya di zaman pra merdeka.

INSTRUMEN PENYELIDIKAN A

CONTOH BORANG KODING

Tajuk Novel:

Bil.	Pembolehubah (Kategori)	Unit Analisis	No. Muka Surat	Jumlah Muka Surat
1	Nasionalisme (Na)	1. Perjuangan Politik Tanah Air 2. Negara Bangsa	(01) (02)	
2	Anti-kolonialisme (Akol)	1. Anti British 2. Anti Jepun	(01) (02)	
3	Sosialisme (Sos)	1. Prinsip dan Perjuangan 2. Isu Kontemporan 3. Isu Parti Politik 4. Gagasan Ideologi Negara Bangsa	(01) (02) (03) (04)	

INSTRUMEN PENYELIDIKAN B

CONTOH BORANG PENGUMPALAN DATA

APENDIKS A

KARYA-KARYA AHMAD BOESTAMAM

A. Novel

1. Ahmad Boestamam (1958). *Kabus Pagi*. Singapura: Geliga Limited – 126 hlm.
2. _____ (1959). *Pacar Merah Malaya*. Singapura: Geliga Limited – 81 hlm.
3. _____ (1968). *Malam Tiada Berbintang*. Kuala Lumpur: Pustaka Gunung Tahan – 140 hlm.
4. Ruhi Hayat (1956). *Gelap Menjelang Terang*. Singapura: Geliga Limited – 72 hlm.
5. _____ (1958). *Hayati*. Singapura: Geliga Limited – 163 hlm.
6. _____ (1958). *Kisah Semalam*. Singapura: Geliga Limited – 104 hlm.
7. _____ (1964). *Lorong Seribu Liku*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal – 124 hlm.
8. _____ (1964). *Merangkaklah Senja Menutup Pandangan*. Melaka: Penerbitan Abas Bandung – 119 hlm.
9. _____ (1965). *Putus Sudah Kasih Sayang*. Melaka: Penerbitan Abas Bandung – 252 hlm.
10. _____ (1966). *Garis Hitam Membelah Langit*. Melaka; Penerbitan Abas Bandung – 254 hlm.
11. _____ (1966). *Kembang di Taman Layu di Tangan*. Melaka: Penerbitan Abas Bandung – 154 hlm.
12. _____ (1966). *Sorong Makan Tarik Makan*. Melaka: Penerbitan Abas Bandung – 114 hlm.
13. _____ (1967). *Api dan Air Mata*. Kuala Lumpur: Pustaka Gunung Tahan – 160 hlm.

14. _____ (1967). *Api Itu Masih Membara*. Kuala Lumpur: Pustaka Gunung Tahan –131 hlm.
15. _____ (1967). *Konfrontasi*. Melaka: Penerbitan Abas Bandung –124 hlm.
16. _____ (1968). *Ali Sastro*. Kluang, Johor: Pustaka Penerbitan –96 hlm.
17. _____ (1968). *Budi Baik Dikenang Orang*. Kluang, Johor: Pustaka Penerbitan –61 hlm.
18. _____ (1969). *Rumah Kaca Digegar Gempa*. Singapura: Pustaka Nasional –118 hlm.
19. _____ (1976). *Janda Muda Beranak Dua*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise

B. Memoir / Autobiografi

1. Ahmad Boestamam (1976). *Tujuh Tahun Malam Memanjang*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise 148 hlm.
2. _____ (1972). *Merintis Jalan ke Puncak*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora –187 hlm.
3. _____ (1979). *Memoir Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka -122 hlm.
4. _____ (1983). *Lambaian dari Puncak*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mahakarya – 86 hlm.

C. Biografi

1. Ahmad Boestamam (1972). *Dr Burhanuddin : Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora –79 hlm.
2. _____ (1979). *Datuk Onn yang Saya Kenal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.- 85 hlm.

D. Umum

1. Ahmad Boestamam (1947). *Testament Politik Api*. Kuala Lumpur: Angkatan Pemuda Insaf (API)
2. _____ (1979). *Bagaimana Menjadi Seorang Penulis 1979*. Petaling Jaya: Penerbitan Pena –88 hlm.

3. _____ (1958). *Iraq* (suntingan). Singapura: Penerbitan Geliga
4. _____ (1981). *The Malay Dilemma: Sorotan Sekilas 1981*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara

E. Kumpulan Puisi

1. Ruhi Hayat (1967). *Dendang dari Neraka*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Gelora –39 hlm
2. *Tinta Pena* (antologi) (1981). Kuala Lumpur: PENA – 631 hlm.

F. Esei / Kritikan

1. *Imej dan Cita-cita: kertas Kerja Hari Sastera 80* (antologi) (1981). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka–374 hlm.

G. Buku Terjemahan

1. Ahmad Boestamam (1961). *Dunia Dengan Barat* (Asal: The World and the West karya Arnold J. Toynbee). Kuala Lumpur: Oxford University Press
2. _____ (1963). *India* (Asal: India karya Zinki Jaya) Kuala Lumpur: Oxford University Press
3. _____ (1958). *Gamal A Naser Pembesar Mesir*. (Asal: Naser Gamal A 1955. Washington D.C: Egypt's Lication, Public Affair Press). Singapura: Penerbitan Geliga
4. _____ (1975). *Nasionalisma Melayu*. (Asal: The Origins of Malay Nationalism karya William R. Roff). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
5. _____ (1962). *Pengantar Ilmu Politik*. (Asal: An Introduction to Politics karya Harold J. Laski). Kuala Lumpur: Oxford University Press
6. _____ (1958). *Sudah Berserah*. Singapura: Penerbitan Geliga

7. _____ (t.t). *Pemberontakan di Lembah Nil* (The Revolt In the Nile karya Anwar Al-Sadat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

H. Cerpen Eceran

1. Armin Bahrin (1957). "Kanjal", *Fikiran Rakyat*, Mac 22
2. Jasmal Jamil (1957). "Kisah Seorang Pejuang Kemerdekaan", *Fikiran Rakyat*, Julai 22
3. _____ (1957). "Senyum Orang Bukan Senyumanmu", *Fikiran Rakyat*, September (?)
4. _____ (1965). "Kalau Selasih Sedang Berbunga", *Dewan Masyarakat*, Jun
5. _____ (1968). "Terpecatnya Seorang Revolusinis", *Utusan Zaman*, September 29
6. _____ (1970). "Keladi di Puncak Gunung", *Berita Minggu*, Mei 10
7. _____ (1970). "Pak Romo Para Muridnya dan Orang-orang Sekampungnya", *Berita Minggu*, Julai 5
8. _____ (1972). "Harimau berkaki Dua", *Utusan Zaman*, Julai 16
9. _____ (1972). "Rojok", *Utusan Zaman*, November 7
10. _____ (1973). "Pagi Ahad dan Hujan Lebat", *Dewan Sastera*, Ogos
11. _____ (1980). "Sinar Dalam Kilat Sebentar", *Mingguan Malaysia*, Jun (?)
12. _____ (1982). "No Tombstone for Me", *Asiaweek*, Mei 14
13. _____ (1984). "Dengan Mata Terbuka", *Mingguan Malaysia*, Jun 30
14. Jiwalara (1951). "Alam Pura-pura", *Utusan Zaman*, September 16
15. _____ (1951). "Sebutir Intan di Perlimbahan", *Utusan Zaman*, Oktober 28
16. _____ (1951). "Masyarakat yang Tersendiri", *Utusan Zaman*, November 18
17. _____ (1951). "Dupa Kenangan", *Utusan Zaman*, Disember 9
18. _____ (1951). "Palsu", *Utusan Zaman*, Disember 30
19. _____ (1952). "Terkenang", *Utusan Zaman*, Jun 29
20. _____ (1952). "Pengertian Suci", *Utusan Zaman*, November 30

21. _____ (1953). "Pengertian Cinta dan Kasih Saya", *Utusan Zaman*, Mac 22
22. _____ (1953). "Di Antara Dua Pengertian", *Mastika*, April
23. _____ (1965). "Tukang Beca", *Mingguan Pedoman*, Disember 29

I. Puisi Eceran

1. Ahmad Boestamam (1955). "Rumahmu Rumahku", *Dewan Masyarakat*, Ogos
2. _____ (1957). "Minyak Habis Pelita Padam", *Fikiran Rakyat*, Jun 21
3. _____ (1969). "Rindu", *Utusan Zaman*, Julai 27
4. _____ (1970). "Damai Jahanam", *Mastika*, Februari
5. _____ (1970). "Tekad", *Mingguan Malaysia*, April 24
6. _____ (1972). "Kepastian Tuhan", *Dewan Bahasa*, Januari
7. _____ (1972). "Tidak Riak di Danau Hati", *Dewan Sastera*, Julai
8. _____ (1972). "Epigrama Afrika & Asia", *Dewan Masyarakat*, Oktober
9. _____ (1972). "Tiada Nisan Bagiku", *Dewan Sastera*, Disember
10. _____ (1973). "Manusia & Pusara", *Berita Minggu*, Mei 6
11. _____ (1973). "Kepastian", *Berita Minggu*, September 9
12. _____ (1973). "Aku & Esok", *Berita Minggu*, November 25
13. Jiwalaria (1951). "Perbandingan", *Utusan Zaman*, November 25
14. _____ (1951). "Rempuh", *Utusan Zaman*, November 25
15. _____ (1951). "Teguh", *Utusan Zaman*, November 25
16. _____ (1953). "Berani", *Mastika*, Julai
17. _____ (1953). "Tekadku", *Mastika*, Julai
18. _____ (1956). "Dongeng", *Pati*, Mac
19. _____ (1956). "Sebatang Dian", *Pati*, Mei

J. Skrip Drama Pentas

1. Abdullah Thani 1945. "Kerana Kau"

APENDIKS B

AHMAD BOESTAMAM SEBAGAI KOLUMNIS

(Beliau banyak menulis dalam akhbar / majalah tempatan sebagai penulis tamu / undangan untuk mengisi ruangan-ruangan khas atau pojok. Berikut dinyatakan butiran lanjut beliau sebagai kolumnis)

Bil.	Judul Ruangan	Lokasi Tulisan	Tempoh Menulis
1.	“Serba-serbi”	<i>Saudara</i>	(?)
2.	“Tabrani Taib Says”	<i>Malay Mail</i>	14.11.1957- 28.8.1958
3	“Detik Permulaan Perjuangan 1935”	<i>Berita Harian</i>	6.6.1971 - 28.11.1971
4	“Coret-coret dari Sarawak”	<i>Berita Minggu</i>	3.6.1973 – 30.12.1973
5	“Topik Yang diminati Umum”	<i>Suara Merdeka</i>	5.12.1976 – 19.7.1977
6	“Guest Commentary”	<i>Watan</i>	21.6.1977 – 30.5.1978
7	“Setitis Tinta”	<i>Mingguan Malaysia</i>	10.9.1978 – 29.6.1980
8	“Dialektika”	<i>Watan</i>	9.5.1980 – 4.7.1980
9	“Setitis Tinta”	<i>Watan</i>	1.8.1980 – 7.7.1981
10	“Mata dan Hati”	<i>Watan</i>	12.12.1980 - (?)
11	“Memoir”	<i>Dewan Sastera</i>	Mac 1981 – Julai 1982

12	"A Drop of Ink "	<i>Sarawak Tribune</i>	(?)
13	"Tikam Sudut"	<i>Utusan Sarawak</i>	(?)
14	"Panduan Menulis"	<i>Utusan Melayu</i>	(?)
15	"Tanya Jawab Politik"	<i>Utusan Malaysia</i>	(?)
16	"Saya Tulis Apa Yang Saya Suka"	<i>Utusan Malaysia</i>	(?)
17	"Coloteh Wanita"	<i>Berita Harian</i>	(?)
18	"Sekapur Sirih"	<i>Berita Harian</i>	(?)

APENDIKS C

ANGGARAN DASAR PARTI RAKYAT⁹³

FASAL 1

NAMA DAN KEDUDUKAN

Partai bernama “PARTAI RAKYAT” yang kemudian disebut “PARTAI saja. Alamat Markas Besarnya ialah No. 432-C, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur; atau dimana saja yang ditentukam oleh Dewan Partai dari semasa kesemasa tetapi mestilah sentiasa berada dalam Tanah Melayu.

FASAL 2

ASAS

Partai berasaskan MARHAENIZEM (lihat istilah MARHAENIZEM yang dikembarkan bersama ini)

FASAL 3

DASAR PERJUANGAN

Partai mendasarkan perjuangannya atas kekuatan rakyat yang insaf, yang sadar dan yang disusun rapi.

⁹³ Disalin semula daripada buku Ramlah Adam 1994. Ahmad Boestamam: *Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka hlm. 433-451. Anggaran Dasar ini mempunyai 12 fasal. Walau bagaimanapun penyalinan semula hanya setakat fasal 5 sahaja yang difikirkan ada kaitan dengan skop kajian.

FASAL 4

TUJUAN:

1. Mempertahankan dan menyempurnakan kemerdekaan negara serta menjaga dan mengawalnya supaya jangan kembali menjadi tanah jajahan atau separuh jajahan.
2. Melahirkan satu masharikat yang adil dan makmur.
3. Menentang segala bentuk rupa penjajahan dan penindasan, - (yang langsung dan yang tidak langsung), dalam lapangan politik, ekonomi, sosial dan lain2 didalam dan diluar – negara.
4. Menyumbangkan tenaga dan kerjasama bagi mencapai lahir-nya satu masharikat yang adil dan makmur untuk menjamin keamanan, kemakmuran dan persatuan sedunia.

Tugas Jabatan

Oleh kerana dalam Anggaran Dasar Partai tidak menyatakan dengan jelas tentang tugas2 Jabatan Partai, maka sidang telah memutuskan satu peraturan mengenai tugas2 Jabatan dalam partai seperti berikut:

a. Jabatan politik

1. merumuskan dasar2 politik partai dari semasa kesemasa untuk di-luluskan oleh Dewan Harian Pusat atau Dewan Partai sebagai dasar politik partai.
2. membantu Ketua Umum dan Setiausaha Agong dalam kerja2 politik partai.
3. memimpin kerja2 sekretariat pusat, Parti Rakyat Malaya.

b. Jabatan ekonomi

1. merumuskan dasar2 ekonomi partai dari satu masa kesatu masa untuk diluluskan oleh DHP. atau DP. Sebagai dasar2 ekonomi partai.
2. menjalankan penyelidikan tentang hal2 ekonomi untuk kegunaan partai.
3. membantu Bendahari Agong dan Sekretariat Pusat dalam kerja2 membangun dan memperkuatkan kewangan partai.

c. Jabatan Sosial

1. merumuskan dasar2 partai dalam lapangan sosial (pelajaran, kesihatan, kebudayaan) dari semasa kesemasa untuk diluluskan oleh DHP. atau DP. Sebagai dasar2 partai dalam lapangan sosial.
2. merancang dan menjalankan kerja2 partai dalam lapangan sosial.

d. Jabatan Organisasi

1. merumuskan dasar2 dan chara2 organisasi partai dari semasa kesemasa untuk diluluskan oleh DHP.atau DP.sebagai dasar2 dan chara2 organisasi partai.
2. mengurus pendidikan kader2 partai.
3. mengadakan pendidikan idiologi dan politik untuk anggota partai.
4. mengawasi keadaan disiplin partai.

e. Jabatan Penerangan

1. menyediakan ranchangan2 penerangan partai dari semasa kesemasa untuk diluluskan oleh DHP.atau DP.sebagai ranchangan2 partai.
2. mengurus kerja2 penerangan partai kepada rakyat.
3. menerbitkan lidah resmi Parti, risalah2, majallah2 dan akhbar2 untuk menyibarkan faham sosialis dan menerangkan dasar partai.

f. Jabatan Pemuda

1. menyediakan ranchangan2 jabatan dari semasa kesemasa untuk diluluskan oleh DHP.atau DP.sebagai ranchangan2 partai.
2. menjalankan penyelidikan tentang keadaan2 pemuda-pemuda dalam negeri.
3. memimpin gerakan pemuda-pemudi partai.
4. menyusun gerakan pemuda-pemudi partai.
5. mengujudkan sebuah negara Marhaenis yang berdaulat kedalam dan keluar, yang demokratik dan menjamin keselamatan, kemakmuran dan keadilan atas rakyat seluruhnya.

FASAL 5

USAHA:

Partai berusaha dalam lapangan:

A. POLITIK:

1. Menyuarkan fikiran dan pendapat rakyat terhadap tiap-tiap masalah politik yang timbul didalam dan diluar negara dari semasa kesemasa.
2. Mempersatukan tenaga rakyat untuk melahirkan satu kekuatan raksasa yang berdasarkan kekeluargaan bagi mempertahankan kedaulatan nusa dan bangsa.
3. Menginsafkan rakyat dengan memberi didikan politik yang luas kepada mereka itu sesuai dengan chita2 partai.
4. Menuntut terbentuknya susunan perwakilan rakyat yang scratus peratus dari serendah2nya hingga setinggi-tingginya sampai terujud satu pemerintahan yang dibentuk oleh rakyat.
5. Menuntut kemerdekaan melahirkan fikiran dengan lisan dan tulisan, bersidang, berkumpulan, berorganisasi dan lain-lain hak demokrasi.

- Menuntut hak memilih dan dipilih yang umum, luas dan langsung.

B. EKONOMI:

- Menggalak dan menganjurkan rakyat bersharkat (berkoperasi) dan bergotong-royong dalam perniagaan, pertanian dan lain-lain.
- Menuntut supaya chabang2 penghasilan yang penting dan menguasai hajat hidup orang banyak, terutama getah dan bijih dikuasai oleh negara.
- Menuntut supaya pembahagian bahan2 yang penting bagi penghidupan rakyat diurus dan dikuasai oleh negara.
- Menuntut supaya kekayaan negeri ini dipergunakan dengan sepenuh-penuhnya untuk kesejahteraan rakyat.

C SOSIAL

- Menuntut adanya undang2 sosial yang menjamin perlindungan atas kaum buruh kaum tani dan lain2 sechukup-chukupnya terutama mengenai upah, waktu bekerja, layanan perumahan, layanan kesihatan, persekolahan anak2, bantuan dan kechelakaan, bantuan dihari tua dan lain2 lagi.
- Menuntut hak mogok dan tunjuk perasaan bagi kaum buruh.
- Membentras buta huruf dikalangan rakyat.
- Menuntut hak belajar dan melanjutkan pelajaran bagi tiap-tiap rakyat dengan tidak pandang memandang.
- Menuntut hak tiap-tiap rakyat atas pekerjaan dan penghidupan yang layak bagi kemanusiaan.
- Menjalankan usaha2 sosial lain yang mendatangkan kebajikan bagi seluruh rakyat.

MARAHENIZEM

Apakah yang dikatakan MARHAEN itu?

Marhaen ialah rakyat jelata, rakyat jembel, rakyat menderita, rakyat miskin dan seumpamanya dalam satu-satu bangsa.

Marhaen berbeda dari proletar. Proletar ialah orang-orang yang menjualkan tenaganya kepada orang lain dengan tidak ikut memiliki alat2 penghasilan.

Marhaen bukan saja termasuk orang2 proletar bahkan juga seluruh orang2 yang miskin dan menderita hidupnya sama ada mereka itu menjual tenaga atau tidak memiliki alat2 penghasilan atau tidak.

Jadi dalam gulungan Marhaen ini termasuklah:

1. Kaum buruh (kasar dan halus)
2. Kaum tani
3. Kaum nelayan
4. Kaum terpelajar
5. Kaum pedagang kecil dan seumpamanya.

Apakah yang dikatakan MARHAENIZEM itu?

Marhaenizem berdasarkan SOSIO-NASIONALIZEM dan SOSIODEMO-KRASI atau disebut juga SOSIO NASIONAL DEMOKRASI.

SOSIO-NASINALIZEM ialah faham kebangsaan (nasionalizem) atau faham serba kebaikan-bangsayang bersandar pada hidup kemasharakatan. Faham ini menetapkan bahawa sharat untuk melahirkan satu2 bangsa (nation) bukanlah persamaan darah atau keturunan melainkan persamaan nasib; persamaan kepentingan dan persamaan sejarah atau dengan lain-lain perkataan persamaan kemahuan untuk menjadi satu bangsa.

Faham ini juga mengakui bahawa bangsa2 didunia ini tidaklah terpisah antara satu sama lain malahan harus hidup dan bekerja bersama-sama sebagai kawan2 sejajar...atau tegasnya bermasharakat.

Dalam hubungan internasional faham ini memandang adalah menjadi kewajipan bangsa2 didunia bekerjasama menyusun masharakat bangsa2 sedunia bebas dari penjajahan dan penindasan baik dalam lapangan politik mahu pun dalam lapangan ekonomi dan lapangan kebudayaan.

Dalam perkataan yang lebih mudah faham ini menentang permusuhan antara bangsa didunia.

SOSIO-DEMOKRASI ialah faham kerakyatan (demokrasi) yang bersandarkan pada kemasharakatan atau demokrasi yang berlaku dalam lapangan hidup di-masharakat – dalam lapangan politik, dalam lapangan ekonomi dan dalam lapangan sosial. Faham ini, menghendaki demokrasi politik dan demokrasi ekonomi. Demokrasi politik mengakui hak yang sama bagi tiap-tiap rakyat untuk ikut menentang haluan dan susunan negara.

Demokrasi ekonomi mengakui hak tiap2 rakyat untuk hidup sama2 makmur atau menikmati kemakmuran negaranya dengan adil. SOSIO-DEMOKRASI mengakui hak2 tiap2 rakyat untuk mendapat penghargaan yang sama sebagai manusia, untuk menchapai tingkat kemajuan setinggi-tingginya dalam segala lapangan sesuai dengan bakat masing-masing.

Kesimpulan MARHAENIZEM menghendaki:

DALAM LAPANGAN POLITIK: lahirnya satu negara Sosialis dan satu masharakat negara yang adil dan makmur.

DALAM LAPANGAN EKONOMI: adanya satu susunan ekonomi yang teratur atau ekonomi beranchang (planed economy). Susunan ekonomi ini haruslah berdasarkan 'HAK

MILIK NEGARA". Dengan lain2 perkataan segala sumber penghidupan rakyat haruslah dipegang dan diatur atau sekurang-kurangnya diawasi oleh negara.

Pada peringkat perjuangan sekarang ini pengusaha2 nasional dapat memainkan peranan yang maju untuk membangun ekonomi nasional yang demokratis demi kemakmuran negara dan rakyat dengan yang demikian pengusaha2 nasional ini perlulah mendapat bantuan dari negara.

DALAM LAPANGAN SOSIAL: adanya satu masharakat yang berdasarkan "GOTONG ROYONG" dan kerana itu menolak susunan masharakat yang berdasarkan persendirian (individualistik). Tegasnya setiap anak masharakat, tanpa perasaan pandang memandang, haruslah mendapat kesempatan yang sama untuk menchapai kepandaian dan penyelenggaraan yang penuh dalam pendidikan, pengararan, kebudayaan, kesehatan dan lain2.

MARHAENIZEM dalam garis besarnya bersikap:

1. Membela, memehak dan memimpin buruh dalam pertentangan antara MODAL dengan BURUH. Modal haruslah dipergunakan untuk kesejahteraan seluruh tenaga yang bekerja.
2. Menolak keadikaraan (diktaturizem) dalam bentuk apa pun juga.
3. Menolak perkauman.
4. Menolak egoizem (bangga diri)
5. Menolak militerizem (rajalela-tentera)
6. Menolak heroizem (perwira-diri)
7. Menolak adventurizem (kenekatan untuk keperluan sendiri)
8. Menolak oporchunizem (menchari kesempatan diri sendiri)
9. Menolak dogmatizem (kebekuan)
10. Menolak imperializem kerana ia adalah nafsu keserakahuan yang ditimbulkan oleh kemodal-an (kapitalizem). Tegasnya imperializem adalah peringkat tertinggi dari kapitalizem tadi. Dan imperializem mengakibatkan penjajahan seperti pernah dialami oleh Malaya
11. Menolak liberalizem (faham yang memberi sepenuh-penuhnya kebebasan kepada modal karana faham itulah yang menjadi dasar dan sumber hidup dan berkembang biaknya kapitalizem).
12. Menyokong tiap usaha yang bertujuan hendak menchapai kemerdekaan dimana saja dan oleh siapa saja karena dengan adanya kemerdekaan sajalah baru penjajahan akan lenyap.

MARHAENIZEM IALAH SOSIALIZEM